

# PANGKALAN UDARA SUBANG TERIMA KUNJUNGAN DELEGASI DSCSC



[airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4185-pangkalan-udara-subang-terima-kunjungan-delegasi-dscsc](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4185-pangkalan-udara-subang-terima-kunjungan-delegasi-dscsc)

SUBANG, 28 Nov 18 - Pangkalan Udara Subang telah menerima kunjungan delegasi daripada Bangladesh Defence Services Command And Staff (DSCSC) Course seramai 26 peserta yang diketuai oleh Ketua Delegasi iaitu Group Captain Abu Sayeed Mehboob Khan. Dalam rangka lawatan ke Pangkalan Udara Subang, pihak delegasi telah dibawa melawat ke No 22 Skuadron dan Pusat Penyelidikan serta Latihan Simulator G (PULLS-G). Pegawai Laksana Pangkalan, Kol Mohd Azwan bin Mohd Pohari TUDM sebagai wakil Komander Pangkalan telah mengiringi delegasi sepanjang lawatan.



